



26 APR, 2025

170 kilang sawit lepasi sasaran DAKN pasang fasiliti biogas

Berita Harian, Malaysia



170 kilang sawit lepasi sasaran DAKN pasang fasiliti biogas

Pencapaian bukti pembangunan industri jana ekonomi, wujudkan peluang pekerjaan

Oleh Afrina Romzi
bhbiz@bh.com.my

Sebanyak 170 daripada 446 kilang sawit di seluruh negara sudah memasang fasiliti biogas setakat tahun lalu, sekali gus melepasi sasaran Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2025 iaitu 155 kilang.

Langkah itu juga berjaya menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 4.9 juta tan karbon dioksida (CO₂), kata Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Beliau berkata, pencapaian ini membuktikan pembangunan industri biogas memberi manfaat besar melalui pewujudan peluang pekerjaan, penjana ekonomi serta pengurusan sisa sawit yang lebih mampan, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

"Justeru, saya menyeru semua pengilang sawit untuk segera membangunkan industri biogas di premis masing-masing," katanya ketika melawat Loji Biogas Cenergi Sua Betong, di Port Dickson, semalam.

Johari berkata, sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia, Malaysia menekankan pendekatan ekonomi kitaran di setiap peringkat pengeluaran produk sawit bagi mengoptimumkan pengurusan sisa industri.

Katanya, pemerangkapan biometana daripada effluen kilang sawit (POME) dapat dijadikan sumber tenaga boleh diperbaha-



Johari ketika melawat Loji Biogas Cenergi Sua Betong di Port Dickson, semalam.

(Foto ihsan FB Kementerian Perladangan dan Komoditi)

ruai untuk penjana elektrik.

Pada 2022 sahaja, sebanyak 63.5 juta tan POME dihasilkan, yang berpotensi menjana 1.8 bilion meter padu (m³) biogas, mampu menghasilkan tenaga setinggi 1.22 gigawatt (GW) setahun.

Dalam usaha memperluas penggunaan tenaga boleh baharu, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) turut memperuntukkan kuota Tarif Galakan (FiT) sebanyak 190 megawatt (MW) untuk 2025 bagi projek biogas, biojisim dan mini hidro, termasuk 50 MW khusus untuk biogas dan 40 MW bagi biojisim.

Sambungan grid lebih luas

Johari menegaskan, akses kepada sambungan grid yang lebih luas amat penting bagi merealisasikan projek tenaga hijau itu, sekali gus menyeru Tenaga Nasional Berhad (TNB) memper-

tingkat kapasiti sambungan loji sawit ke grid nasional.

"Langkah ini akan membolehkan lebih ramai pengilang melabur dan mendapat manfaat daripada penggunaan biojisim sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Tambah beliau, perubahan pendekatan terhadap pengurusan sisa sawit mencerminkan komitmen negara dalam memulihara alam sekitar.

"Ia selari dengan sasaran Malaysia mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030, serta mengurangkan pelepasan gas metana sebanyak 30 peratus," katanya.

Bagi menggalakkan lebih ramai pemain industri sawit menyertai usaha ini, Johari tu-

rut menggesa pengilang yang belum memahami konsep biogas supaya berhubung dengan Cenergi SEA Berhad.

"Cenergi memiliki ekosistem lengkap. Loji biogas mereka di Sua Betong berkapasiti 1.2 megawatt (MW) dan hanya dikendalikan tujuh kakitangan tempatan yang berkecuali, tanpa kebergantungan kepada pekerja asing," katanya.

Cenergi ialah anak syarikat milik penuh UEM Lestari Berhad dan antara penyedia utama penyelesaian tenaga mampan di negara ini.

Syarikat itu memiliki 20 loji biogas di seluruh negara, manakala 12 lagi sedang dalam pembinaan. Secara keseluruhan, ia mempunyai kapasiti penjana elektrik sebanyak 52.8 MW dan kapasiti pengeluaran gas asli mampat BioCNG berjumlah 65,000 juta unit terma British (MMBtu).